

KE ARAH KESATUAN GERAKAN ISLAM

Oleh Ustaz Fathi Yakan

Diterbitkan oleh

PUSTAKA RISALAH, Tingkat 1, Bangunan Pas, Jalan Dato' Pati, Kota Bharu, Kelantan.

Cetakan Pertama 1984

<http://www.geocities.com/bahantarbiyyah>

PENGANTAR PENTERJEMAH

Alhamdulillah dengan izin Allah, risalah kecil ini dapat disiapkan terjemahannya. Mudah-mudahan dengan izin Allah, risalah ini dapat berperanan membukajalan ke arah kesatuan amal dan gerakan Islam, untuk berdepan dengan musuh-musuh Islam.

Al Ustaz Fathi Yakan, memulakan buku ini dengan melihat kelemahan-kelemahan beberapa jama'ah Islam dengan tujuan mengambil pengajaran dan mengelakkan dan kesilapan-kesilapan yang sama, jika ada dan seterusnya menjadi panduan melengkapkan harakah Islam kini dan akan datang. Kemudian barulah Ustaz Fathi menerangkan tentang ciri-ciri harakah Islamiyyah 'alamiyyah yang dicadangkan.

Semoga Allah sentiasa memberi taufik kepada kita dan memberkati amal Islam kita.

Insyallah.

Mohd. Kamil Abdul Majid

Akademi Islam, Universiti Malaya, Ramadhan 1404

KEWAJIPAN MEMBENTUK HARAKAH ISLAMIYYAH 'ALAMIYYAH YANG TUNGGAL

Berbagai-bagai cabang amal Islam yang terdapat di zaman moden ini menimbulkan ketakutan dan kegelisahan bahawa ianya akan memberikan gambaran yang buruk kepada tabiat dan ciri-ciri amal Islam yang betul dan asli. Berikutnya, ia akan melemahkan kekuatan dan kekerasan Islam dalam pertarungan dan persaingan di antara puak Islam dan jahiliyyah. Bukan setakat ianya tidak menolong Islam malah saya berpendapat ia membawa kekacauan pada akal manusia dan akibatnya mereka akan menjauhkan diri dan amal Islam itu tadi dan menjadikan mereka itu berada di pihak yang menentang Islam. Dan alangkah banyaknya keadaan sedemikian berlaku pada hari ini.

Pertentangan yang berlaku mutakhir ini, selain daripada ianya menjadi tuntutan syara' dan Islam, kedua-duanya berkehendakan kesatuan kekuatan tenaga Islam dalam satu saf untuk menghadapi jahiliyyah dan menegakkan daulah yang berhukumkan syari'at Allah.

Alasan-alasan kebangkitan sebuah harakah Islamiyyah 'alamiyyah yang satu

Alasan-alasan yang memestikan terdirinya sebuah harakah Islamiyyah Alamiyyah yang tunggal amat banyak dan lebih daripada hanya untuk dijadikan bahan perbincangan penting. Para pekerja, atau petugas dalam bidang amal Islam yang mengkaji dan menganalisa sehingga amal dan usaha untuk mewujudkan harakah Islamiyyah yang dicita-citakan terbentuk, hendaklah melaksanakannya berdasarkan kepada iman dan keyakinan. Bukan berdasarkan kepada emosi dan semangat yang sementara.

Islam pada masa ini menghadapi cabaran yang berat. Cabaran yang dihadapi datang lebih dan satu pihak. Hukum Islam dan undang-undang yang terpancar dan syari'at Islam tidak dilaksanakan walau di mana sekalipun pelusuk watan Islam. Malah, hukum taghut, sistem-sistem dan pemikiran materialisma ciptaan manusia yang bertentangan dengan Islam, yang berdemam dengan Islam dan bercanggah dan segi falsafah dan prinsip akhlak, itulah yang sedang berperanan. Pemikiran materialisma dan falsafah atheisma merosakkan intelek generasi muda. Keadaan moral menurun hingga ke tahap yang paling rendah. Kezaliman sistem yang memerintah dan undang-undang yang berjalan, serta kurangnya keadilan, kebebasan dan persamaan membolehkan fahaman Marxisma yang menafikan keujudan Allah menyerang umat Islam atas nama melaksanakan keadilan, membela mereka yang terzalim dan meningkat taraf hidup golongan miskin proletariat (yang tertindas).

Peperangan yang berlaku pada hari ini diantara Islam dan jahiliyyah bukan setakat perbincangan ilmiah semata mata atau dalam batas-batas perbincangan ideologi sahaja tetapi sampai ke peringkat berdarah yang ganas.


Jahiliyyah hari ini dalam serangannya terhadap Islam dan para pendakwah menggunakan segala senjata yang menghancurkan, senjata dalam bentuk pembunuhan, pengurungan, penyiksaan atau pembuangan. Fitnah, khianat, tashkik usaha untuk timbulkan keraguan) dan tuduhan dalam berbagai bentuk dan rupa adalah di antara cara-cara yang dilakukan oleh jahiliyyah moden untuk memukul Islam dan menghapuskan para pendakwah di setiap tempat.

Seluruh dunia hidup dalam kesesatan, sedang menggigil di bawah tapak kaki penyelewengan. Kekosongan dan tidak normal.

Dunia yang dibalut dengan gejala ketamadunan moden, dibakar oleh api revolusi sex dan diancam oleh pertentangan gejala kebinatangan telah mengancam kejujuran, akhlak dan pemikiran manusia.

Satu lagi alasan yang memerlukan kejujuran sebuah harakah Islam Alamiyyah (antarabangsa) yang satu, iaitu cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Islam dan gerakan antarabangsa umpamanya gerakan zionisma, freemason, komunisma dan missionary Kristian dan gerakan-gerakan lain yang seumpamanya; gerakan-gerakan yang mempunyai kemampuan, kemudahan, tenaga manusia dan kebendaan juga teknikal yang tidak mungkin, malah tidak harus dihadapi kecuali dengan kemampuan pada peringkat yang sama.

Alasan-alasan ini dan lain-lain alasan membuktikan tanpa syak lagi bahawa perlu wujudnya sebuah harakah Islamiyyah 'Alamiyyah yang mempunyai peringkatpersediaan yang sama dalam pertembungan dengan musuh Islam dan segi pemikiran, organisasi, perencanaan dan persediaan. Firman Allah s.w.t.:



Pengalaman-Pengalaman Dalam Skop Amal Islam

Sebelum dibincangkan ciri-ciri umum dan asas yang perlu ada pada sesebuah gerakan Islam, perlulah dibentangkan pengalaman-pengalaman yang telah dilalui dalam amal Islam pada zaman moden ini sebagai mengambil pengajaran, semoga Allah membeni petunjuk pada jalan yang betul.

1. Cara nasihat (pengalaman Jama'ah Tabligh)

Uslub ini digunakan oleh para pendakwah secara individu atau secara jamaah dalam satu jamaah tabligh. Jama'ah Tabligh mewajibkan para pengikutnya mengorbankan waktu tertentu bagi menunaikan tanggungjawab ini, satu jam dalam seminggu, sehari dalam sebulan atau sebulan dalam setahun, di mana mereka berdakwah di seluruh watan Islam.

Jama'ah Targhib mempunyai semangat dakwah pada Allah dengan keikhlasan dan kebersihan hati tetapi mereka sebenarnya tidak mampu memerangi jahiliyyah yang ganas jika cara dakwah ini masih berterusan hingga ke masa hadapan atau menjadi polisi yang berterusan dalam setiap peringkat amal dan dalam setiap keadaan.

a) Uslub atau cara ini tidak membawa natijah terdirinya satu kumpulan harakah (pergerakan) yang tersusun yang mampu menghadapi jahiliyyah dan cabaran yang semakin bertambah, apa lagi mewujudkan satu masyarakat Islam atau negara Islam.

b) Cara seumpama ini akan terus mengekalkan skop amalnya yang sempit dan akan terkurung di Masjid-Masjid dan khusus kepada pengunjung-pengunjungnya. Dengan lain perkataan kesannya tidak menjangkau kepada orang lain yang merupakan majoriti manusia dan tidak kepada kelompok-kelompok yang berbagai ragam.

c) Cara ini tidak membolehkan ia menghadapi cabaran serta menolak pemikiran dan falsafah materialisma kerana ia perlu mengambil cara uslub nasihat secara emosional yang berkesan. Uslub targhib dan tarhib (dorongan dan ancaman) ini tidak akan berkesan kepada orang-orang yang asalnya tidak beragama.

d) Dan cara zahir uslub ini tidak dijalankan secara berencana (wallah hualam), mengawasi benih yang ditabur, sehingga ia berkembang dan menjadi pokok untuk melahirkan buah. Kadangkala ia menyerupai uslub yang digunakan oleh Tahir al-Jazairy dan Jamaludin al-Afghani di mana Afghani pernah mengatakan "katalah kalimah kami dan pergi". Cara ini tiada terjamin hasil natijahnya selain daripada ianya lambat berkesan dan sedikit buahnya.

Ustaz Abul A'la Al-Maududi, amir Jama'ah Islamiyyah Pakistan pernah mengatakan tentang mandul atau kurang berhasilnya cara nasihat ini: "Adalah menjadi sia-sia menjalan kan dakwah mengikut cara missionary Kristian. Walaupun dicetak berjuta-juta sebaran yang mengajak ke arah berperang atas nama Islam menjerit supaya manusia bertakwa kepada Allah pagi dan petang tetapi ianya mempunyai faedah yang boleh disebut. Langkah yang praktikal untuk membuktikan bahawa Islam itu sesuai untuk semua masa dan tempat serta banyak faedah dan keistimewaannya bukan

hanya melalui pena dan ucapan semata-mata tetapi keperluan hari ini menuntut supaya keistimewaan ini dilahirkan secara praktikal dalam alam realiti. Problem dunia materialisma tidak boleh diselesaikan dengan semata-mata mengatakan bahawa Islam mampu menyelesaikannya. Nilai Islam yang sebenar semestinya dilahirkan ke alam nyata dalam bentuk satu sistem yang praktikal yang mana kesannya dapat dirasakan dan buahnya dapat dinikmati oleh manusia. Kita hari ini hidup di alam pertentangan dan perjuangan. Syarahan dan nasihat sahaja tidak mungkin berjaya mengubah arus. Tetapi perjuangan yang berbentuk revolusi sahaja yang mampu mengubah arus. (Rujuk Risalah Penyakit Umat Islam dan Ubatnya, halaman 15)

ii. Cara kekerasan atau revolusi bersenjata


Di zaman moden ini telah berlaku beberapa percubaan dalam skop amal Islam yang berbentuk revolusi dan menjadikan kekuatan sebagai satu asas bagi menghadapi cabaran dan memulakan kebangkitan Islam.

Antara pengalaman-pengalaman ini ialah pengalaman Al-Syahid Ahmad bin Irfan di India yang disokong oleh ramai orang-orang Islam pada masa itu. Beliau telah mengepalai mereka itu mengangkat bendera jihad dan mereka telah mampu mengasaskan sebuah negara Islam di bandar Pesyawar di Utara India. Tetapi Inggeris telah menipu mereka dengan jahatnya dan mengadu domba antara pemimpin kabilah untuk menentang beliau. Akibatnya, berlakulah peperangan yang sengit di antara dua pihak yang menyebabkan beliau dan sahabat-sahabatnya yang rapat terbunuh pada tahun 1246H.

Antara lain ialah pengalaman Al-Shahid 'Izzudin Al Qassam yang merasa malu kepada Allah bila ia mengajar murid-muridnya mengenai jihad sedangkan beliau sendiri tidak bersama mereka yang cuba mengambil alih bumi Palestin yang sedang dijajah pada masa itu. Beliau telah mengumpulkan pengikut-pengikutnya dan melatih mereka berperang lalu mengisytiharkan jihad ke atas musuh Allah sehingga beliau gugur syahid pada tahun 1936.

Bukanlah maksud kita untuk membincang uslub yang digunakan oleh gerakan-gerakan ini melawan seteru-seterunya. Tetapi kita ingin menyatakan menurut logik zaman, logik pertentangan dan logik Islam, walaupun ia mementingkan kekuatan tetapi ia hanya merupakan satu bahagian daripada strategi, bukanlah strategi keseluruhannya.

Kita ingin menunjukkan bagaimana penggunaan kekuatan dalam skop amal Islam seperti yang dikatakan oleh Hassan Al-Banna; "Ramai orang bertanya adakah Ikhwan Muslimin herazam untuk menggunakan kekerasan bagi mencapai tujuan mereka dan untuk sampai kepada matlamat mereka? Adakah Ikhwan Muslimin sedang bersedia mengadakan persiapan revolusi ke atas sistem politik dan sosial? Saya tidaklah ingin meninggalkan mereka yang tertanya-tanya itu dalam kehairanan, tetapi sukalah saya mengambil peluang ini untuk memberi jawapan terus terang; bahawa kekuatan itu menjadi satu daripada syiar Islam dalam setiap sistem dan perundangannya. Al-Quran al-Karim dengan terang menyebut;



“Hendaklah kamu mempersiapkan kekuatan semampu boleh, begitu juga tentera berkuda. Yang boleh menggerunkan musuh-musuh Allah dan musuh-musuh kamu “.

Tetapi Ikhwan Muslimin lebih mendalam pemikiran dan lebih jauh pandangan mereka dan menyukai kerja kerja dan pemikiran yang dangkal, pemikiran yang tidak berdasarkan kepada kefahaman yang mendalam dan pertimbangan matlamat dan natijah yang waras. Mereka dan awal-awal lagi, meyakini bahawa kekuatan yang hakiki bergantung kepada kekuatan 'aqidah dan Iman. Berikutnya ialah kekuatan penyatuan dan ikatan, kemudian barulah kekuatan tenaga dan persenjataan. Sesebuah jama'ah tidak dapat disifatkan sebagai Jama'ah yang kuat, selagi tiga faktor kekuatan ini tidak terbentuk. Kalau dipergunakan kekuatan tenaga dan persenjataan, pada hal hubungan sesama mereka kacau bilau, peraturan Jama'ah mereka tidak kemas, atau aqidah mereka lemah dan kosong, maka masa hadapan mereka akan berakhir dengan kebinasaan dan kehancuran.

Dilihat dan sudut yang lain, satu persoalan boleh ditimbulkan. Iaitu adakah Islam yang ditegakkan di atas asas kekuatan itu tadi sepatutnya menggunakan kekuatan pada setiap masa dan tempat? Atau adakah kita akan menentukan batas-batas dan syarat-syarat penggunaan kekuatan itu? Malah, adakah kekuatan itu sebagai ubat pertama atau ubat terakhir sekali? Islam juga mewajibkan

supaya dibandingkan antara natijah-natijah penggunaan kekuatan yang bermanfaat dengan kesan buruk yang akan timbul daripada penggunaan kekuatan itu. (Sila lihat, Risalah Muktamar Yang Ke 5, Tahun 135H).

iii. CARA REVOLUSI PEMIKIRAN (ATAU PENGALAMAN HIZBUL TAHRIR)

Hizbul Tahrir percaya operasi melepaskan umat dan penyakit mereka ialah dengan mengembalikan mereka percaya kepada kebenaran pemikiran dan hukum-hukum Islam. Caranya ialah dengan melalui revolusi pemikiran politik yang dapat menghancurkan pemikiran batil dan hukuman yang safah. Oleh itu parti ini telah menerbitkan buku-buku dan risalah-risalah dalam berbagai tajuk, serta sebaran-sebaran pemikiran dan politik dan masa ke semasa, samada menerangkan hukum Islam dalam satu-satu masalah atau menentukan sikap parti tersebut dalam kes-kes dan isu-isu tertentu.

Pandangan golongan Islam terhadap Hizbul Tahrir adalah berbagai ragam. Ada yang meragui tentang asas penubuhan parti tersebut, serta meragui matlamat dan tujuannya. Di mana mereka menganggap tertubuhnya parti itu bertujuan untuk mengacau fikiran orang ramai dan meragukan mereka terhadap gerakan-gerakan Islam yang mendahuluinya, atau sekurang-kurangnya menimbulkan keraguan tentang peribadi peribadi dalam gerakan-gerakan terdahulu.

Alasan golongan Islam itu terhadap Hizbul Tahrir ialah kesamaran yang melindungi gerakan tersebut dan pimpinannya, tetapi juga tentang isi pendahuluan risalah "al-Takattul al-Hizbi" yang menganggap segala perkumpulan dan harakah yang mendahuluinya merupakan perkumpulan-perkumpulan yang gagal dan bertentangan antara satu sama lain dan masing-masing diasaskan atas asas yang salah belaka. Mereka juga berpegang kepada alasan bahawa Hizbul Tahrir cuba mempengaruhi golongan yang telah bekerja untuk Islam (bukannya mengambil keahlian golongan baharu). Usaha ini dibuat dengan menanamkan keraguan terhadap perjalanan jama'ah-jama'ah lain, melalui usaha melemahkan fikrah fikrahnya dan membesar-besarkan perbezaan-perbezaan fikrah ini hingga tidak ada penyatuan yang akhirnya menyebabkan kegagalan harakah-harakah Islam itu untuk menegakkan Negara Islam dalam beberapa tahun. Sebaliknya Hizbul Tahrir menarik elemen-elemen tersebut dengan kekuatan parti dan kemampuan luarbiasa mereka untuk menegakkan negara Islam dengan cepat, malah dikhayalkan kepada mereka negara Islam telah pun tertegak.

Mereka menyatakan tertegaknya negara Islam tidak perlu yang lain kecuali pengisytiharan tertubuhnya negara tersebut. Kesan psikologi yang ditujui dan cara ini ialah untuk menghancurkan golongan yang telah tertarik dengan psikologi Hizbul Tahrir ini sejak lama tetapi masih ragu ragu samada Hizbul Tahrir ini mendatangkan lebih mudharat dan manfaatnya kepada Islam, atau elemen yang kacau fikiran mereka akibat realiti yang pahit menimpa mereka.

Ada pula golongan yang menganggap Hizbul Tahrir merupakan suatu pengalaman yang telah dilalui dalam amal Islam dan akan terus dilalui, iaitu pengalaman yang ada baik dan buruknya. Pengalaman yang menunjukkan kegagalan mereka untuk sampai kepada matlamat secara cepat mengikut mereka tetapkan sendiri. Malah menjadi alasan kepada perkumpulan perkumpulan yang diserangnya itu untuk berhujah.

"Tidak adanya kesan uslub Hizbul Tahrir ini kepada orang ramai dan segi fikrah Islamiyyah yang asas, bukanlah timbul dan hasil kesilapan mereka dalam cara bergerak, atau kerana kesalahan dalam praktiknya, atau kerana penyelewengan; tetapi sifat uslub itu sendiri yang menyebabkan ia tidak mendatangkan kesan secara cepat, dan keadaan pemikiran masyarakat terutama masyarakat zaman mutakhir yang memerlukan jangka masa yang panjang dan ubat yang kuat untuk terubah pemikiran mereka.

Saya tidaklah bertujuan membentangi secara terperinci segala pandangan orang lain terhadap Hizbul Tahrir. Tujuan saya ialah untuk mengambil pelajaran dan kajian ke atas Hizbul Tahrir ini sebagai suatu pengalaman dan pengalaman-pengalaman Amal Islam di zaman moden tanpa terpengaruh dengan sikap orang lain. Lebih-lebih lagi jika diperhatikan bahawa tiada satu dalil pun yang dapat disahkan terhadap khabar angin yang dilemparkan kepada Hizbul Tahrir. Di kalangan gerakan Islam sepatutnya tidaklah berlaku kata mengata, tetapi segala kritikan hendaklah secara objektif dan logik dengan matlamat untuk memperbaiki, dan inilah saja jalan yang betul supaya terbentuk sebuah harakah Islamiyyah yang layak memimpin.

Berikut sebahagian daripada kesalahan Hizbul Tahrir sebagai satu pengalaman dan pengalaman-pengalaman umat Islam dan sebagai rang bagi penubuhan sebuah harakah Islam antarabangsa yang tunggal: —

1. Ia hanya menjadikan pemikiran sebagai satu satunya jalan bagi pembinaan Syaksiyyah Islamiyyah. Sedangkan Ikhwan Muslimin yang dipandang salah oleh Hizbul Tahrir, dalam waktu yang sama

menggunakan cara Tarbiyyah dan takwin rohani dan akhlak dengan tidak mencuaikan aspek pemikiran.

Cara uslub Rasulullah s.a.w adalah jelas ber dasarkan kepada kesedaran pemikiran, Tarbiyyah rohaniyyah, akhlak dan jihad dalam pembinaan syaksiyyah Islamiyyah.

2. Ia menggunakan konsep melompat dan peringkat “pengetahuan” keperingkat “operasi”. Di sini Hizbul Tahrir telah terjun ke peringkat operasi sebelum melalui peringkat pembmaan dan dalam. Dalam ertikata lain ia berusaha menentang pemikiran dan segala bentuk Jahiliyyah bagaikan orang yang ingin melewati ke satu perlembahan tanpa jambatan. Peringkat atau fasa “Tatqif”, parti Hizbul tidak cukup untuk menghadapi cabaran Jahiliyyah sekaligus. Ia jugà tidak memberikan kemampuan kepada anggota-anggota parti supaya dapat menghadapi cabaran yang ganas itu. Hizbul Tahrir seharusnya mempengaruhi orang ramai selangkah dan membina rakizah-rakizah serta mengadakan pengawalan-pengawalan yang sempurna terhadap mereka. Hijrah Rasulullah s.a.w boleh dijadikan contoh dalam hal ini ianya satu contoh yang kemas kalau dilihat dan sudut operasi ketenteraan.

3. Ia menjadikan golongan luar atau dalam Istilah mereka “mendapatkan nasrah” sebagai cara untuk sampai kepada matlamat memerintah. Hizbul Tahrir memandang bahawa menggunakan kekuatan merupakan sebagai jalan untuk mencapai kuasa dan memulakan kehidupan secara Islam. Dalam waktu yang sama mereka memandang penting memiliki kekuatan itu.

Dalam satu sebarannya bertajuk “Soal Jawab”, Hizbul Tahrir telah meminta pertolongan di Syria untuk membolehkan ia memikul tanggungjawab dakwah seterusnya kekuasaan pemerintahan. Keadaan demikian berterusan sehingga awal tahun 1964 tanpa ada mereka yang menyahut seruannya. Menurut sebaran itu lagi, untuk memohon pertolongan dan seorang ketua negara mereka memerlukan satu rombongan atau seorang pemuda sahaja. Begitu juga untuk memohon pertolongan dan ketua kumpulan, pemimpin satu jama’ah, pemimpin Kabilah atau dan seorang duta atau Seumpamanya, memerlukan hanya beberapa orang sahaja.

Anihnya, logik “memohon pertolongan” ini bagi Hizbul Tahrir sepatutnya ditolak awal-awal lagi, kerana Ia satu permohonan yang tidak akan diterima oleh sesiapa pun. Harakah sepatutnya bergantung kepada kekuatan sendiri, dan elemen-elemen harakah itu sepatutnya dapat menguasai tempat-tempat strategik. Ini merupakan uslub yang lebih tepat dan selamat dalam usaha mencapai matlamatnya, apa lagi dalam suasana buruk seperti sekarang di mana dunia Islam sekarang berada di bawah kawalan perisik-perisik dalam dan luar negeri.

Adalah satu pandangan yang menyeleweng dan tidak masuk akal bagi menjadikan uslub mengharap pertolongan puak luar ini sebagai jalan untuk melaksanakan perubahan Islam dan mendapat kekuasaan. Natijahnya nanti perubahan Islam yang dicita-cita itu akan tinggal menjadi suatu laungan sahaja atau suatu hembusan dalam debu.

4. Kesalahan Hizbul Tahrir seterusnya ialah apabila ia berpegang kepada fikrah “membangunkan hukum dan pemikiran secara umum”. Fikrah ini mempercayai bahawa setiap soalan itu perlu dijawab dan setiap satu persoalan ada satu jawapan. Perkara ini pada zahirnya baik terutama kepada para pemuda yang terhad pengetahuan Islam mereka. Tetapi natijah jangka panjangnya. ia memupuskan pengetahuan dan menyempitkan pemikiran Islam. Dalam buku buku yang diterbitkan oleh Hizbul Tahrir tidak kedapatan pengetahuan dan pemikiran Islam ini dibicarakan secara meluas.

Fikrah yang mengambil satu pendapat dalam persoalan khilafiah dalam hal yang hersangkut paut dengan harakah dan politik adalah satu hal yang baik dan berfaedah, tetapi jika ianya diperluaskan bagi mencakupi semua hal perundangan, natijah yang buruk dan menakutkan akan dapat dirasai.

Sukalah saya menukilkan satu perenggan dan buku Maalim Fi-T-Tariq’ — Petunjuk sepanjang Sepanjang Jalan — di mana Syed Qutb telah menyatakan “sebahagian golongan yang ikhlas tetapi gopoh gapah, yang tidak memandang akan tabiat agama ini manhajnya yang rabbani lagi betul; yang diasaskan atas hikmat Allah Yang Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana. Allah mengetahui akan segala tabiat manusia dan keperluan hidup mereka”.

Ada di kalangan umat Islam yang mengkhayalkan bahawa dengan membentangkan asas-asas peraturan, sistem dan perundangan Islam akan memudahkan jalan dan menyebabkan orang mencintai agama ini Mereka menyangka Islam dapat ditegakkan dengan membentangkan Islam dalam bentuk teori atau sebagai suatu sistem perundangan, sedangkan tidak ada dimukabumi suatu masyarakat pun yang benar-benar mahu berhakimkan syari’at Allah serta menolak segala syariat yang lain semudah itu. Orang-orang yang menghendaki dan Islam segala-galanya ini sebenarnya tidak faham akan tabiat agama ini, tidak faham bagainiana cara Islam berkerja dalam kehidupan manusia, sebagaimana dikehendaki oleh Allah.”

Sesungguhnya, pada masa akhir-akhir ini telah jelas bahawa Hizbul Tahrir telah terjebak dalam kesalahan-kesalahan dan segi politik dan fekah hasil dan menyempit-nyempitkan perbincangan. Sebagai contohnya, mereka telah meragukan kewujudan jama'ah Islam di Pakistan. Kedua: mereka mengharuskan 'kucupan' sewaktu mengucapkan selamat tinggal atau memulakan musafir. Ini merupakan satu kesilapan besar. Ini disebarkan dalam sebaran parti itu.

Cukuplah setakat ini pembentangan kesilapan-kesilapan Hizbul Tahrir sepanjang pengalaman yang dilaluinya.

iv. CARA IMAN YANG MENDALAM, PEMBENTUKAN YANG RAPI DAN KERJA YANG BERTERUSAN (ATAU PENGALAMAN IKHWAN AL-MUSLIMIN).

Gerakan Ikhwan Muslimin buat masa ini merupakan sebuah gerakan yang berpengaruh di seluruh pelusuk dunia Islam, walaupun sehingga kini ia belum merupakan sebuah harakah yang satu dan segi perencanaan dan penyusunan. Imam Hassan al-Banna, pengasas harakah telah menjelaskan sejak awal lagi cara-cara dakwah, uslub dan wasilahnya:

“Wahai Ikhwan, Allah telah menghendaki untuk kita mewarisi pusaka yang amat berat tanggungjawabnya, maka cahaya dakwah kita hendaklah menerangi di tengah-tengah kegelapan ini, dan kamu akan disediakan untuk meninggikan agama Allah, menzahirkan syari'atNya dan menegakkan semula Negara Islam”.

Adapun persoalan yang akan timbul ialah, bagaimana kita bekerja untuk mencapai tujuan ini. Sesungguhnya, syarahan, ceramah, tulisan, pengajian, menentukan penyakit dan ubat; kesemuanya itu tidak mendatangkan manfaat dan tidak akan mencapai tujuannya sebelum kita memahami bahawa dakwah itu mempunyai jalan-jalan (wasilah) yang mesti diamalkan di mana wasilah umum yang tidak berubah ialah:

1. Iman yang mendalam.
2. Takwin (pembentukan) yang rapi.
3. Aman yang berterusan.

Para Ikhwan,

“Kamu semua bukanlah sebuah persatuan kebajikan, bukan juga parti politik tidaklah sebuah pertubuhan yang ditubuh bagi tujuan yang sempit. Tetapi kamu merupakan semangat baru yang mengalir dalam jantung umat ini; yang menghidupkan umat dengan al-Qu'ran. Kamu adalah cahaya yang memancar, yang menghapuskan kegelapan malam dengan ma'rifat Allah. Kamu juga adalah suara nyaring yang berkumandang mengulangi dakwah Rasullullah s.a.w. Oleh itu kamu hendaklah merasakan bahawa diri kamu memikul tanggungjawab yang berat itu setelah semua orang menyisihkannya”.

Maka jika dikatakan, ke manakah dakwah kamu? Maka jawablah, dakwah kami ialah dakwah kepada Islam yang dibawa oleh Muhammad s.a.w. Di mana pemerintahan (kerajaan) adalah sebahagian daripadanya, kebebasan adalah satu kefardhuan dan kewajipan-kewajipannya. Jika ini dikatakan politik!

Jawablah: Inilah Islam dan kami tidak mengenal pembahagian pembahagian seperti itu. Jika dikatakan kamu pendakwah revolusioner, jawablah: Kami pendakwah kebenaran dan

2 gerakan Ikhwan Muslimin tidak menjadi sebuah pertubuhan yang hanya menitikberatkan aspek-aspek tertentu sahaja, iaitu Ikhwan Muslim ini bukanlah pertubuhan kebajikan atau politik semata-mata tetapi sebuah gerakan yang menepali kehendak Islam yang Syumul, di mana kebajikan & politik menjadi sebahagian darinya — editor

1 yang diharuskan oleh Hizbul Tahrir di sini ialah kucupan di antara lelaki dan perempuan yang sah kahwin di mana hukum sebenarnya ialah tidak harus sama sekali — editor.

Keselamatan yang kami beriman dan merasa bangga dengannya. Jika kamu semua melawan kami, dan menyekat dakwah ini ditengah jalan, maka sampailah masanya kami mempertahankan din kami dan kamulah revolusioner yang zalim”.

Jika dikatakan lagi, kamu memohon pertolongan dengan individu-individu dan pertubuhan-pertubuhan, jawablah: kami beriman dengan Allah yang Esa, kami kufur dengan apa yang kamu syirikkan itu Kalaulah mereka meneruskan perseteruan mereka katakanlah: Selawat sejahtera ke atas kamu, kami tidak mengingini orang-orang yang jahil

Dan pembentangan di atas, ternyata gerakan Ikhwan Muslimin berbeza secara umumnya dengan seluruh gerakan gerakan lain; Ia adalah dakwah dan segi fikrah kerana ia mengajak supaya


beriltizam dengan fikrah Islam dan hukum syari'at Islam, bahkan mengajak supaya meninggalkan kesemuanya selain daripada Islam baik dan segi pemikiran, perundangan, prinsip, falsafah dan sebagainya, (semata-mata untuk membentuk pemikiran atau rasional secara Islam).

Ia juga dakwah tarbiyyah (pendidikan) kerana ia menyeru supaya beriltizam dengan akhlak Islam, adab-adabnya dan supaya menyucikan diri serta meningkatkannya dalam menuju tangga rabbaniyah (semata-mata untuk membentuk kejiwaan secara Islam).

Ia juga adalah dakwah jihad yang menyeru ke arab persiapan jihad dengan segala jalan dan sebab-sebabnya. Sehingga kebenaran itu mempunyai kekuatan yang dapat mengawalinya. dan sehingga membolehkan dakwah menghadapi cabaran cabarannya.

Imam Hassan Al-Banna dalam risalah Ke Arab Mana Kita Menyeru, telah mengisytiharkan:

“Alangkah baiknya orang yang mengatakan: Kekuatan adalah jaminan yang paling baik untuk membenarkan “kebenaran”. Alangkah indahnya pula apabila kekuatan dan kebenaran itu berjalan seiring. Inilah jihad dalam menyebarkan dakwah Islam, selain daripada kewajipan mempertahankan tempat tempat suci Islam; kewajipan yang telah difardukan Allah ke atas umat Islam, sebagaimana juga mereka difardhukan sembahyang, puasa, zakat dan haji, berbuat baik dan meninggalkan keburukan. Tidak seorang pun terlepas dan tanggungjawab jihad ini mengikut kemampuan masing-masing. Al-Qur'an menegaskan:



“Pergilah kamu sama ada ringan atau berat dan berjihadlah dengan harta dan jiwa kamu pada jalan Allah”

Imam Hassan al-Banna telah mengukuhkan pengertian jihad ini dalam kebanyakan ucapan-ucapan, kerana kebenaran yang tersisih tidak akan mencapai apa-apa dan tidak sampai ke mana-mana tanpa jihad. Kerana tidak ada nilai kebenaran yang tidak didokong oleh kekuatan. Pemusatan demikian jelas dalam ucapannya dalam Mukhtamar kelima Ikhwan Muslimin dalam tahun 1358H.

“Dalam waktu di mana kamu — wahai para Ikhwan — 300 katibah yang telah dipersiapkan dirinya dengan iman dan ‘aqidah dan segi kerohanian, dengan ilmu dan pengetahuan dan segi pemikiran, dan dengan latihan dan kesukanan dan segi jasmani, pada waktu itu kamu meminta aku mengharungi lautan atau meredah angkasa tinggi, atau memerangi setiap yang angkuh dan sombong, sesungguhnya aku akan berbuat, insya-Allah. Benarlah sabda Rasullullah s.a.w., Tidak akan kalah 12,000 dan kumpulan yang sedikit”.

HARAKAH ISLAMIYAH DAN SITUASI KAWASAN SERTA LOGIK PERTENTANGAN

Sepatutnya gerakan Ikhwan Muslimin telah berjaya dan mencapai matlamat kewujudannya setelah ia diterima di seluruh dunia, kalaulah tidak kerana dipukul bertubi-tubi dan semua sudut atau dibuat pakatan jahat oleh kuasa-kuasa penjajah dan semua pihak. Pukulan demi pukulan dan ujian demi ujian telah berlaku. Bermula dan kesyahidan pengasasnya Almarhum Hassan Al-Banna pada tahun 1948 dan kemudiannya diikuti oleh sebilangan besar pemimpin serta tokoh-tokoh gerakan itu yang merangkumi mereka di peringkat daerah dan antara bangsa.

Natijahnya, gerakan Ikhwan merosot dalam pertarungan politik walaupun masih kekal kewujudannya dan segi ‘aqidah dan fikrah. Ujian-ujian yang menimpa gerakan Islam telah menjadikan sistem-sistem kufur menguasai negeri-negeri kaum Muslimin dan fahaman marxisma beroperasi merosakan akal dan fikiran manusia. Dengan itu kawasan negeri Arab yang dulunya mengamalkan kehidupan demokrasi yang mengizinkan kebebasan berpolitik telah hapus tanpa kembali lagi.

Sistem-sistem yang wujud di kawasan negeri Arab telah dipakaikan dengan pakaian dendam kesumat terhadap Islam dan kaum Muslimin.

Pertentangan parti-parti politik bukan lagi sekadar perbincangan dan dialog ideologi tetapi sudah memasuki tahap pertumpahan darah.

Itu semua faktor-faktor yang telah membekukan gerakan Islam dan menyekat perjalanannya. Berikutnya timbullah fenomena kesempurnaan dan kerosakan dalam hidup gerakan Islam. Selain daripada itu, kebanyakan harakah Islamiyyah di beberapa tempat telah surut ke belakang bila berhadapan dengan gelombang materialisma, yang membolehkan pula kuasa-kuasa Jahiliyyah di

negara kaum Muslimin mengambil tempat dan memudahkan mereka sampai ke mercu kekuasaan. Kekuasaan yang dirampas itu dipergunakan untuk menyerang Islam secara umumnya dan untuk memukul gerakan Islam berleluasa sebagaimana yang telah berlaku.


Sukalah saya berhenti sekejap untuk membincangkan sebab-sebab timbulnya gejala-gejala kesempurnaan dan kerosakan dalam kehidupan harakah Islamiyyah semasa.

Dimaksudkan dengan kesempurnaan dan kerosakan di sini pengalaman-pengalaman yang berlaku dalam skop amal Islam yang hampir sampai kepada kesempurnaan kemudian mula rosak; atau segala potensi yang hampir terkumpul kemudian mula berkurangan sebelum tercapai kepada matlamat asasi kewujudannya untuk menegakkan masyarakat Islam dan memula kehidupan Islam.


RAWATAN PENGESANAN PENYAKIT

Para petugas dalam bidang amal Islam yang menerima kewujudan fenomena ini mengambil penilaian yang berbeza-beza terhadap sebab-sebab tumbuhnya penyakit kepada gerakan Islam.

Ada setengah kalangan beranggapan bahawa kemerosotan kebaikan dan penguasaan kejahatan terhadap diri sebagai satu perkara tabi'e dan natijah yang pasti. Juga mereka menganggap bahawa 'kedagangan' Islam dan para pendakwahnya di akhir zaman sebagai suatu kemestian. Mereka membawa dalil-dalil dengan hadith Rasulullah s.a.w.



"Akan datang kepada manusia satu zaman di mana orang yang sabar dalam agamanya sebagai orang yang memegang bara api".



"Sebaik-baik abad ialah abadku kemudian berikutnya dan kemudian yang berikutnya dan mereka yang akhir zaman semakin hina"

Ada juga kalangan umat Islam yang mengatakan bahawa mula terjadinya kerosakan ekonomi, sosial dan politik umat Islam ialah apabila berlaku kejatuhan negara Islam dan pupusnya hukum Islam. Hasutan jahat kuasa-kuasa besar dunia zionis Yahudi, komunis dan massionari Kristian juga memainkan peranan dengan menentang aliran-aliran Islam dan menyisihkan pemikiran Islam daripada kehidupan dengan menimbulkan semangat 'asabiyah dan perkauman dan menubuhkan gerakan gerakan materialisma, atheisma dan massionari. Juga dengan segala cara yang boleh menjadikan orang-orang Islam ragu ragu kepada 'aqidah dan syari'at Islam.

Sebahagian mereka pula berpendapat bahawa trajedi sedih ini berlaku kerana kekurangan kemampuan tenaga manusia, teknikal dan juga kebendaan yang dimiliki oleh gerakan Islam dibandingkan dengan yang dipunyai oleh Jahiliyyah.

PERBINCANGAN

Pada hakikatnya pendapat-pendapat yang telah diutarakan tadi tentang sebab timbulnya fenomena kesempurnaan dan kerosakan dalam skop pengalaman-pengalaman amal Islam semasa merupakan sebahagian dan sebab-sebab itu, bukan keseluruhannya. Tetapi pada hakikatnya, ianya bukanlah merupakan sebab utama.


Orang-orang yang menganggap fenomena tersebut sebagai satu perkara tabi'e dan kemestian serta natijah yang tidak boleh dielakkan, di mana kebaikan harus berhadapan dengan penguasaan keadaan sebenarnya dan ada pula hadnya. Kejahatan telah wujud sejak awal lagi. Tidak ada alasan

lagi bagi para Rasul dan para Anbia' untuk menyeru kepada kebaikan kalau sudah tidak wujud kejahatan dan penyelewengan umat manusia yang memerlukan reformasi (islah) dan pembetulan. Malah kebatilan dan tenteranya perlu berhadapan dengan kebenaran dan perajuritnya yang bertambah kukuh. Pada hakikatnya kebatilan tidak akan tersebar luas kecuali kerana kelalaian atau kelemahan tentera kebenaran dan penyisihan mereka dan medan jihad dan pergorbanan.

Kumpulan yang berpendapat bahawa tidak ada harapan lagi untuk memperbaiki suasana, adalah salah. Mereka terkeluar dan tasawwur Islam kerana kepercayaan mereka ini tidak syak lagi akan mendorong mereka mengundur dan lari dari medan pertempuran dan peperangan. Berikutnya mereka akan ditimpa oleh rasa putus asa dan seterusnya melempar senjata dan menyerah kalah.

Islam menuntut agar pengikut-pengikutnya dan orang-orang yang beriman supaya berkerja, berkorban dan berjihad sepenuh tenaga dan masa. Adapun kemenangan adalah urusan dan takdir Allah sebagaimana juga ianya tertulis dalam catatan dan ilmu Allah.

Tentera kebenaran dituntut menggunakan seluruh kemampuan dan potensi mereka serta mengorbankannya untuk mencapai keredhaan Allah walaupun sekiranya telah terjamin kemenangan kebenaran itu. Inilah yang dimaksudnya oleh firman Allah:



“Sesungguhnya Allah membeli dan orang-orang mukmin itu jiwa raga dan harta mereka dengan ganjaran syurga”

Adapun orang-orang yang menyatakan di hadapan kita terdapat situasi yang buruk, kekalutan nilai, penguasaan Jahiliyyah dan kerosakan zaman, maka kami mengiktiraf bahawa Islam memang seaang berhadapan dengan cabaran-cabaran itu dengan hebat. Tetapi ini bukanlah sebabnya yang asas membawa kepada terhentinya penerusan perjalanan Islam dan kacau bilau yang membawa kepada timbulnya fenomena kesempurnaan dan kerosakan dalam kehidupan Islam.

Di sana ada satu faktor lain; kedudukan buruk yang menimpa dunia secara umumnya dan umat Islam khususnya bertambah dari hari ke sehari mengakibatkan harakah Islamiyyah tidak mampu mengambil teraju inisiatif dan menyelamatkan keadaan. Jika kita menunggu perubahan suasana dengan sendirinya tanpa pengorbanan apa-apa maka ini membawa erti terjun ke dalam kesesatan yang nyata.

Adalah menjadi kewajipan harakah Islamiyyah pada hari ini berfikir secara rasional, bukannya cara konservatif, kerana masa lampau, dengan suasana dan kondisinya, tidak semestinya sesuai dengan realiti han ini malah ia merupakan kenang kenangan yang telah berlalu yang tidak mungkin akan kembali lagi. Sistem-sistem yang mengizinkan berlakunya kegiatan parti politik yang berbagai ragam itu telah tamat tempohnya. Ia telah digantikan oleh sistem-sistem politik kepartian yang berbentuk diktator yang amat dendam terhadap Islam dan membuat pakatan jahat terhadapnya. Adalah sia sia harakah menunggu perubahan suasana tanpa membayar harga yang mahal; bukankah barang dagangan Allah itu mahal harganya dan bukankah barang dagangan Allah itu ialah syurga!

Terhadap mereka yang memandang timbulnya fenomena kesempurnaan dan kerosakan dalam kehidupan dakwah dihasilkan oleh kekurangan kemampuan dan kelemahan potensi, maka kita tidak bersama dengan mereka sedikitpun! Harakah Islamiyyah pada realitinya tidak mengalami kekurangan kemampuan. Apa yang berlaku ialah kemampuan yang ada pada mereka itu tidak diambil beratkan, tidak disuburkan, tidak ditingkatkan dan tidak dimanafaatkan sepenuhnya. Dalam sejarah harakah Islamiyyah semasa, telah berlalu peluang peluang dan situasi yang membolehkan mereka untuk sampai kepada kekuasaan dan memerintah, lebih dan satu tempat. Tetapi persoalannya kecuaian harakah Islamiyyah mengambil peluang dan kemungkinan-kemungkinan itu dan tidak bertindak sesuai dengan tabiat, ciri-ciri dan kemampuannya. Natijahnya mereka tidak dapat menampung sepenuhnya pemikiran pengarah dan pergerakan, membawa kepada hilang sebahagiannya dan tumbuh sebahagian yang lain secara tidak tabi'e.

BAGAIMANA RAWATANNYA.

Pada pandangan saya ubatnya terdapat dalam tubuh harakah. Islamiyyah itu sendiri, walaupun saya tidak menafikan kesan tekanan luar ada memainkan peranan ke atas harakah

Islamiyyah; Terjadinya kacau bilau fikrah di kalangan pimpinan dan anggotanya, tidak ada ketaatan dan penyusunan di kalangan petugas dan tidak ada pula ikutan di kalangan perajurit. Begitu juga berlakunya kurang perasaan bertanggungjawab dan kekeringan rohani di kalangan semua, dan mengambil mudah serta tidak cekal dalam beberapa perkara. Ini sepertilah yang ‘digambarkan oleh Al-Ustaz Al-Nadwi dalam bukunya Rabbaniyyah La Ruhbaniyyah. Katanya: “Barisan bengkok dan lintang pukang! Hati-hati kering kebingungan! Sejuk beku tiada roh, tiada kepanasan dan tiada kerinduan!”.

Gambaran tabiat sedemikian amat mendatar. Perencanaan menghad pertentangan yang simpang-perenang. Amal didapati lemah terputus-putus, tidak ada penerusan dan tidak teguh.

Supaya kita lebih bersikap objektif dalam menghadapi penyakit kronik seperti ini kita akan menentukan tempat tempat sakit secara lebih teliti dan membincangkan secara lebih terperinci dengan harapan ianya menolong kita keluar dan dilema ini.

DALAM SKOP TARBIAH DAN TAKWIN

Pembentukan syaksiyah muslimah ialah langkah pertama dalam skop pembinaan agama Islam, walau apapun uslub harakah dan manhaj amalnya.

Syaksiyah Islamiyyah tidak mungkin terbina dan sempurna kelahirannya selagi ia tidak terlepas dan pengaruh kesan kesan masyarakat Jahiliyyah dan dualisma penerimaan dan pengarahannya.

Patut disebut di sini bahawa maksud pembinaan syaksiyah muslimah ialah pembentukan kadar kepimpinan atau penyusunan hairaki perkadaran diperingkat yang dituntut oleh penentangan jahiliyyah.

Sifat-sifat yang unggul yang perlu ada dalam syaksiyah Islamiyyah: —

Pertama:

Melepaskan dan Jahiliyyah sepenuhnya sama ada dalam perasaan, atau pemikiran dan konsep, atau amalan dan urusan.

Kedua:

Beriltizam dengan Islam dan hukum-hukumnya secara sepenuhnya dan menjadikannya paksi hidup, titik tolak berfikir pengkalan tasawwur dan punca hukum dalam setiap persoalan dan objek.

Ketiga:

Menganggap jihad pada jalan Allah sebagai matlamat asasi dan kewujudan kita. Di mana konsep ini memerlukan persiapan yang cukup untuk berkorban dengan segala sesuatu untuk melicapai tujuannya.

Hakikat yang tidak boleh dipertikaikan lagi bahawa manhaj dan uslub yang dipegang oleh harakah Islamiyyah belum mencapai peringkat yang mampu untuk membentuk syaksiyah Islamiyyah dan segi sifat dan ciri-cirinya. Pada realitinya apa yang dikemukakan oleh manhaj-manhaj ini tidak melebihi sebahagian kecil dan pengetahuan umum Islam dan pengarahannya kerohanian atau akhlak yang tidak memampukan kita membentuk individu muslim yang dicita-citakan. Yang membolehkan seseorang itu berkeahlian sebagai ‘rajul al-Aqidah’ — tentera ‘aqidah yang beriman dan hidup untuk ‘aqidahnya mengorbankan sesuatu yang mahal dan berharga demi untuknya.

Tujuan asasi dan tabiyah dan takwin Islam ialah tercapainya operasi antara Islam dan individu-individunya yang membolehkan mereka tajarrud dan sebarang nilai lain, tajarrud dan nilai-nilai bumi ciptaan manusia dan tarikan kebendaan, tajarrud dan kemegahan panggilan hawa nafsu, malah hanya megah dengan kebenaran, di mana mereka mengikuti kebenaran, tidak lagi mengik hawa nafsu atau perasaan peribadi. Itu semua bererti tajarrud kerana Allah S. W. T .[1]

[1] Lihat, Muhammad Qutub, *Minhaj Tarbiah Islamiah*.

TUNTUTAN TARBIYAH DAN TAKWIN

Bagi tarbiyah dan takwin secara Islam meminta tuntutan yang perlu bagi kejayaan operasi. Tanpa tuntutan ini dipenuhi akan menggagalkan usaha percubaan di bidang tabiyah dan tidak akan tercapai kelahiran individu muslim yang merupakan tulang belakang dalam amal Islam.

Pada pandangan saya tuntutan yang paling penting ialah:

Pertama:

Manhaj yang betul-betul boleh mencernakan individu dan generasi muslim ialah manhaj yang sempurna dan menyempurnakan dan kesemua sudut, sama ada dan segi pemikiran, kerohanian akhlak dan individu dan harakah yang boleh mencapai kesempurnaan (takamul) dan perimbangan (tawazun) dalam pembinaan syaksiyah Islamiyyah. Satu sudut harus dipastikan tidak menguasai yang lain sehingga membawa gambaran yang buruk terhadap syaksiyah Islamiyyah atau membawa ketidak sempurnaan syaksiyah itu tadi.

Manhaj yang dihajati oleh harakah ialah manhaj yang telah dapat melahirkan sebaik-baik umat dan kalangan manusia yang jahil dan manhaj yang mampu melahirkan pada tiap zaman dan tempat jenerasi yang berpegang kepada kebenaran, yang berjuang demi kebenaran dan yang tidak dapat dimudaratkan oleh musuh-musuhnya sehinggalah datang ketetapan Allah.

Tanpa jenerasi manusia seumpama ini tidak mungkin harakah Islamiyyah dapat menghadapi realiti Jahiliyyah dan dapat mengatasi mereka.

‘Umar bin Al-Khattab telah menulis surat kepada ‘Umar bin Al-‘Ass, tatkala ‘Umar lambat dapat menakluk negeri

Katanya: “Amma ba’du: Aku hairan di atas kelambatan kamu menakiuk negeri Mesir setelah kamu berperang sejak dua tahun. Itu tidak lain kerana kamu menyintai dunia yang juga menjadi kesukaan musuh-musuh kamu. Allah Ta’ala tidak menolong sesuatu kaum itu kecuali atas niat mereka yang betul”.

Dalam wasiatnya kepada Sa’ad bin Mu’az, ketna tentera Islam ke Farsi. Katanya:”Amma ba’du. Aku berpesan kepada kamu dan mereka yang bersama kamu supaya bertakwa kepada Allah dalam semua keadaan. Sesungguhnya takwa kepada Allah adalah sebaik-baik bekalan menghadapi seteru, ia juga sekuat-kuat helah dalam perang. Aku berpesan kepada kamu dan tentera semua supaya kamu mengawal diri dan maksiat lebih daripada seteru kamu. Sesungguhnya dosa tentera-tentera (kita sendiri) itu lebih menakutkan dan musuh-musuh. Ke menangan kaum muslimin hanyalah dengan maksiat musuh musuh Allah. Kalau tanpa demikian, kita tidak lagi ada kekuatan terhadap musuh, kerana bilangan kita tidak sepadan dengan mereka. Kalaupun kita sama dengan maksiat nescaya mereka itu akan lebih dan kita dalam kekuatan. Ketahuilah kamu bahawa dalam perjalanan kamu itu ada kawalan Allah. Mereka mengetahui apa yang kamu lakukan. Malulah kamu kepada mereka dan jangan kamu lakukan maksiat kepada Allah sedangkan kamu berada pada jalan Allah”.

Kedua:

Ikutan yang baik, adalah faktor yang asas dan terpenting dalam kejayaan tarbiyah. Tidak cukup bagi seorang pendidik (murabbi) itu ianya seorang Fakih, alim atau khatib yang berjaya, tetapi semestinya lebih daripada itu, iaitu sifat-sifat bertakwa, wara’ dan beramal dengan iimunya. Apabila amaiannya ber tentangan dengan ilmunya, terdindinglah petunjuk, hidayat dan tidak ada kesannya lagi. Malik bin Dinar pernah mengungkapnya: Orang alim bila tidak lagi beramal dengan ilmunya, hilang nasihatnya di hati sebagaimana hilang hujan dan langit cerah.

Ketiga:

Persekitaran yang baik. Kejayaan tarbiyah bergantung kepada sejauh mana kebaikan persekitaran yang ingin dididik dan dibentuk. Hampir mustahil kejayaan tercapai dalam operasi tarbiyah dalam masyarakat jahiliyyah, yang terputus hubungan nya dengan Islam.

Penyelesaian problem ini bergantung kepada sejauh mana kemungkinan penyisihan harakah daripada elemen-elemen jahiliyyah dan menyediakan suasana dan situasi yang sesuai khususnya dalam peringkat pertama pembentukan, sebelum diserahkan tugas-tugas harakah yang umum.

Fikrah pengasingan elemen Islam dan persekitaran jahiliyyah dalam fasa-fasa takwin patutlah dikaji dan diberikan perhatian. Begitu juga lebih patut diberi perhatian terhadap cara membolehkan pengasingan ini berlaku.

Operasi takwin pembentukan Islam tidak mungkin berjaya selagi tidak sempurna persekitaran Islam yang kokoh yang tidak dapat dipengaruhi oleh Jahiyyah.

Pada hakikatnya harakah Islamiyyah hari ini hidup dalam realiti yang tidak memberikan kuasa penyerahannya dalam kehidupan individu muslim, tetapi menjadikan seorang individu itu berada dalam persekitaran yang berkecamuk antara pengaruh dan tekanan yang berbagai-bagai.

Kalaulah harakah mampu menyediakan kepada anggota individunya suasana Islam dalam lingkungan keluarga, atau di tempat kerja, dan dapat pula memisahkan mereka daripada kehidupan masyarakat jahiliyyah di segi ‘aqidah dan akhlak, maka bererti ia telah mula meletakkan jalan awal

yang menjamin berlakunya pemberontakan jiwa pada diri individu dan mempersiapkan mereka untuk menjadi benih kader yang menjadi harapan Islam.

DALAM AMAL HARAKAH DAN PERTENTANGAN

Faktor kedua yang ada di sebalik fenomena kesempurnaan dan kerosakan dalam harakah Islamiyyah semasa ialah tidak jelasnya jaiian dan kaburnya amal dan perjalanan emosi yang berpunca dan penglihatan yang kabur serta konsep yang salah dan serba kekurangan dalam wasilah, tujuan dan matlamat.

Mungkin boleh dibataskan penyelewengan dalam tubuh harakah kepada:

1. Tidak jelasnya jalan yang lebih betul untuk menegakkan negara Islam dan mencapai Inqilab Islam.
2. Perjaianan yang tidak berencana, dan tidak beriltizam dengan perencanaan, di mana perkara ini boleh menghabiskan tenaga dalam pertarungan sampingan dan amalan juz'i yang tidak memberi kemuslihatan hakiki kepada Islam.
3. Tidak beriltizam dengan yang telah diputuskan dan kurang mengambil inisiatif sendiri. Akibatnya harakah bertindak lambat terhadap peristiwa yang berlaku. Ini menyebabkan banyak peluang terlepas dan hilang kesempatan dan segi kewajipan dan masa.
4. Kehilangan punca diantara iltizam (commitment) dengan garis asal bagi amal Islam iaitu tabligh serta di antara tujuan politik dan usaha mengambil faedah dalam semua keadaan.
5. Tidak ada uslub tertentu bagi menerima hokum Islam.
6. Terlampau berhati-hati menggunakan kekuatan (samada di permulaan atau di akhir).
7. Tidak jelasnya penyusunan yang baik dan lebih berkesan dalam harakah.

Persoalan-persoalan ini memerlukan jawapan yang terang supaya harakah dapat keluar daripada kekaburan dan kehilangan. Jawapan-jawapan yang semestinya berdasarkan dalil syarie bukannya berdasarkan hawa nafsu dan emosi.

Adalah menjadi hak Islam supaya ia digambarkan oleh harakah Islamiyyah hari ini dengan gambaran yang betul dalam tabiat amal Islam dan supaya ia dapat difahami sesuai dengan roh perencanaan yang dihasilkan oleh generasi pertama harakah dalam syari'ah Islam. Gambaran ini mewajibkan harakah Islam berjalan mengikut garis yang asal yang telah dilalui oleh nabi dalam menghadapi konfrantasi realiti Jahiliyyah dalam rangka menegakkan masyarakat Islam. Bukankah akibat dan perse lisihan dan tanggapan serta tasawwur moden hagi tabiat dan matlamat amal Islam yang banyak, menghabliskan tenaga dan ticalak tertaectah?

Harakah Islamiyyah telah melalui suatu zaman di mana banyak usaha dihabiskan dengan usaha-usaha sampingan dan persoalan remeh-temeh yang tidak ada hubungan dengan matlamat jangka panjang yang memestikan penyatuan seluruh kekuatan dan keupayaan harakah.

Harakah Islamiyyah harus mengenal matlamat, garis perjalanan, tabiat dan ciri-ciri yang menjadikan setiap langkah dan keupayaan kena pada sasarannya. Di samping itu juga ia harus memelihara usaha yang dicurahkan agar tidak sia-sia dan hilang begitu sahaja, selain daripada ianya memendekkan jalan untuk sampai kepada matlamat dan tujuan.

APAKAH TUGAS UTAMA HARAKAH ISLAMIYYAH.

Harakah Islamiyyah mestilah mengetahui bahawa tugas utamanya ialah mengembalikan pengabdian diri manusia kepada Tuhan mereka baik sebagai individu mahupun sebagai masyarakat. Tugas ini tidak mungkin tercapai selagi tidak tertegak sebuah negara yang menjadikan Islam sebagai sumber hukum dan perundangannya, serta kembali kepada Islam dalam segala urusannya. Dalam setiap langkahnya negara itu hendaklah berjalan mengikut petunjuk yang betul dan jalan yang lurus.

Dengan menyedari akan hakikat tugas utamanya itu tadi harakah Islamiyyah hendaklah beristiqamah dalam perjalanannya menuju ke arah tujuan tersebut walau dalam bagaimana keadaan sekali pun.

Membebaskan negara-negara yang tidak terjamin ke Islamannya pada masa hadapan, samalah seperti menimbuskan usaha di bawah pasir. Begitu juga usaha menyatukan bangsa bangsa dan kawasan-kawasan bukan atas dasar Islam boleh diumpamakan seperti membangunkan bangunan tanpa asas. Demikian sebahagian dan hidup bersama dengan Jahiliyyah'. Den gan pengukuran ini dapat dinilai keutamaan-keutamaan dalam usahanya dalam banyak hal.

Islam berhajat benar kepada tapak tempat berpijak untuk dikemukakan kepada umat manusia suatu contoh praktikal sebuah masyarakat Islam yang terjamin keadilan, persamaan, keamanan dan kestabilannya. Sesungguhnya pemikiran-pemikiran, aliran-aliran dan falsafah kebendaan yang menyerang dunia di zaman moden ini tidak akan terjelma secara berkesan sepertimana yang terdapat sekarang ini sekiranya pada asalnya tidak terdapat tapak tempat mereka berpijak!

PARA MUJAHID BUKAN FAILASUF.

Satu faktor yang patut diambil perhatian ialah bahawa harakah Islamiyyah perlu ada satu mess yang dapat melahirkan pada mujahid dan pahiawan selain daripada sebuah kohj tempat menyebarkan pengetahuan dan kefahaman Islam. Kita memerlukan kepada kesedaran mendalam dan kebijaksanaan sebagai mana kita juga memerlukan keberanian dan pengorbanan. Penekanan konsep menjaga keselamatan dan berlebih-lebihan dengannya serta menjadikannya polisi yang tetap dalam semua keadaan dan ketika adalah mematikan semangat pengorbanan individu-individu. Ianya mengubah harakah menjadi sebuah sekolah teori atau aliran pemikiran semata-mata.

Kaedah yang mesti diambil oleh harakah Islamiyyah sekarang dalam persoalan ini ialah kepentingan Islam mesti diutamakan dan yang lain. Kalau ia mendatangkan kemaslahatan kepada Islam ia mestilah dilakukan walaupun terpaksa mengorbankan jiwa yang banyak.

Apa yang perlu menjadi pegangan harakah sekarang dalam menilai sikap, pertempuran dan konfrantasi ialah memenuhi keseluruhan tabiat pertempuran dan ciri-cirinya yang tepat dan mengenal pasti jangkauan-jangkauan dan reaksi-reaksi yang akan berlaku. Perkiraan yang rapi perlu diberi terhadap kemungkinan-kemungkinan yang mendadak yang mungkin berlaku dan tidak.

Adalah dikira tindakan membunuh diri memasuki mana mana pertempuran — walaupun kelihatan sampingan — tanpa mempunyai tanggapan yang tepat dan tanpa persiapan yang cukup untuk mengharunginya, kerana penerimaan konsep “irtijal”

—tidak berencana dalam satu kes akan mengembalikan cara kerja tersebut dalam kes-kes yang lain. ini adalah pekerjaan yang merbahaya dan merugikan Islam itu sendiri yang hendaklah sentiasa berwaspada dan dilarang daripadanya.

Adapun apabila dibuat persiapan yang cukup — dalani skop kemampuan yang ada — dan dalam tasawwur yang betul tentang tabiat harakah, keperluan dan tuntutananya, maka mengharunginya adalah wajib malah melarikan din daripadanya adalah suatu sikap yang salah dan menghinakan. Tidak sepatutnya orang-orang mukmin bersikap pengecut dan hina.

Untuk harakah Islamiyyah sampai ke peringkat mampu memikul tanggungjawab wajiblah ianya merenung kembali tempat bertolaknya yang asasi, iaitu organisasi dalaman, manhaj tarbiyah dan garis perjalanan, wasilah amal, uslub konfrantasi, dan juga mengetahui peranannya dalam masyarakat serta alasan-alasan kewajipannya. Kemudian barulah dimulakan tindakan walaupun bermula dengan angka kosong.

CIRI-CIRI ASASI YANG PERLU ADA PADA HAKAKAH YANG DICADANGKAN

Akhir sekali, pada saat menghadapi suasana dan kedudukan yang tidak normal ini mewajibkan tubuhnya satu gerakan Islam antarabangsa (yang merangkumi segala kebolehan untuk menghadapi cabaran, konfrantasi dan mampu bertahan. Di sini diterangkan sebahagian ciri-ciri yang perlu ada.

A — Revolusioner (Perubahan)

Satu daripada sifat yang wajib ada pada harakah ialah sifat inqilabiyah (perubahan). Islam merupakan manhaj inqilabi (methodologi perubahan) bukannya methodologi tempelan. Pencapaian manhaj inqilabi ini akan berhasil dengan adanya kumpulan yang bergerak ke arah perubahan (tajamu haraki inqilabi). Maka harakah yang mengepalai amal Islam ini hendaklah berada pada taraf yang boleh mengadakan perubahan secara Islam dan segi kesedaran, manhaj dan kebolehan.

Harakah Islamiyyah ini lebih memerlukan strategi yang boleh dilaksanakan secara praktikal bagi mencapai matlamat dan dasarnya. Yang dimaksudkan dengan strategi perubahan ini ialah teori harakah dan uslubnya dalam mengubah realiti jahiiyyah yang ada kepada realiti Islam yang dicita-citakan. Perubahan dalam ertikata menyeluruh dan rapi dengan kesedaran terhadap kekuatan dan faktor-faktor yang menggerak dan memberikan kesan kepadanya. Juga tasawwur yang mendalam terhadap realiti Islam yang dinanti-nantikan itu dan sejauhmana keperluannya dalam realiti hidup yang dihadapi.

Perlulah strategi harakah ini mengandungi perhatian berat terhadap dirinya sendiri untuk mencapai atau melaksanakan manhajnya dalam pemerintahan Islam. Bukanlah ikhlas dan tajarrud namanya —

seperti yang difahami oleh setengah orang — tidak mahu kepada kuasa memerintah. Kerana dunia dan sejarah tidak pernah mengenal mana-mana organisasi yang bukan Islam dapat mengemukakan natijah manis perjuangannya sesuai dengan matlamat Islam. Negara Islam pertama yang bakal dibentuk adalah tidak lain daripada natijah jihad Rasulullah s.a.w. dan para pengikutnya.

Tasawwur ini menghendaki supaya harakah menilai tanggungjawab dan tugasnya dengan penilaian yang tepat dan jitu. Bukannya setakat sebagai sebuah pertubuhan dakwah sekadar memberi nasihat dan pengajaran. Bukan pula sekadar kelab perbahasan dan ceramah atau sekadar maktab pengajian agama untuk melahirkan ulama' di bidang syari'ah dan pemikiran Islam. Malah tidak juga merupakan sebuah balai penerbitan sekadar mencetak buku-buku Islam.

Tetapi ia merupakan dakwah yang memikul warisan kenabian dan membawa risalah Islam di zaman moden dengan segala jangkauan dan tanggungjawab.

Harakah hendaklah membawa pemikiran yang mendedahkan dan menelanjangi kepalsuan pemikiran-pemikiran, dasar dan prinsip serta falsafah materialisma yang mengancam itu. Ia juga adalah jihad yang menentang kebatilan dalam segala bentuknya. Ia juga hendaklah mengeneppikan taghut-taghut sehingga tidak berlaku fitnah dan sehingga Ad-Deen itu keseluruhannya untuk Allah; sehingga tegak sebuah negara Islam yang dapat menyebarkan kebaikan dan mencapai ketenangan, keadilan dan persamaan; mengeluarkan manusia yang menyembah sesama manusia kepada menyembah Allah yang Esa lagi Maha Perkasa, dan dan kesempatan dunia kepada keluasan Islam, dan kezaliman agama kepada keadilan Islam.

Tugas-tugas dan tanggungjawab seumpama ini memerlukan sebuah harakah yang berada di peringkat tinggi. Tinggi dan segi persiapan dan keupayaan dalam semua segi dan peringkat.

B — Desentralisasi

Sifat utama yang lain, harakah Islamiyyah antarabangsa yang tunggal wajiblah bersifat desentralisasi.

Hijrah pada zaman kenabian dalam pengertian yang mendalam memamparkan uslub amal Islam desentralisasi. Ia menunjukkan bahawa pencapaian Islam kadangkala mudah di satu tempat dan payah serta mustahil di tempat yang lain. Ketika itu menjadi mustahak dicurahkan seluruh tenaga pada tempat yang berpontesi dan mudah agar waktu tidak terbuang dan disia-siakan.

Logik ini dengan sendiri memestikan adanya perencanan antarabangsa dalam amal Islam di zaman moden. Di mana ia mengarah segala potensi, kekuatan dan menggunakan segala keupayaan dengan sekaligus pada tempat yang membuahkan hasil yang baik.

C — Fikrah

Harakah Islamiyyah haruslah bergantung kepada fikrah yang jelas bukannya emosi, sebagai asas bertolak. Ia adalah dakwah hujjah dan dalil, dakwah rasional dan logik. Itulah satu keistimewaan dakwah Islam berbanding dengan dakwah-dakwah lain sejak dahulu sampai sekarang.

Antara syarat-syarat ideologikal ini ialah Islam itu hendaklah difahami dan didakwahkan berdasarkan hujjah-hujjah dan tasawwur yang mendalam serta penglihatan yang umum dan jelas.

Antara syarat-syarat ideologikal juga ialah konferantasi dengan jahiliyyah hendaklah berdasarkan terlebih dahulu kepada kajian yang berpusat di sekitar pemikiran, prinsip, wasilah (jalan) dan strategi jahiliyyah.

Dalam ertikata yang lain harakah hendaklah berusaha mengambil faedah dan pengalaman-pengalaman ilmiyyah yang dihasilkan oleh ketamaddunan masing-masing dan dan . buah fikiran manusia dalam semua bidang pengajian, selama mana jalan-jalan tersebut boleh dimanfaatkan untuk kebaikan umat manusia.


Harakah boleh memanfaatkan umpamanya, kajian-kajian ilmiah mengenai teori-teori baru di dalam organisasi, cara yang paling baik dalam bidang media massa dan dalam kerja-kerja yang berhubung dengan pelajar, juga dan segi politik atau lainnya. Dan segi kejiwaan, pemikiran, politik dan kepartian serta hubungannya dan sudut antarabangsa, harakah boleh mengambil faedah dan pengetahuan dan luar yang sedia ada.

D — Rabbaniyyah

Akhir sekali harakah hendaklah bergantung kepada tarbiyah Rabbaniyah (pendidikan ketuhanan) sebagai jalan pembentuk individu-individu dan barisan kader-kadernya. Syaksyah

Islamiyyah tidak hadir semata-mata dengan kesedaran ideologi tetapi semestinya diikuti oleh tarbiyah sehingga Islam dijadikan sebagai neraca asas dalam memenuhi tuntutan kecenderungan, keinginan, dorongan ke arah kebaikan dan keburukan dan batas antara halal dan haram.

Syaksiyah Islamiyyah adalah faktor asas dalam operasi merangka pelaksanaan inqilab Islam dalam menegakkan negara Islam. Kejayaan harakah dalam membentuk syaksiyah Islamiyah akan menjadikan lebih berkemampuan dan berkesan dalam mengatasi kepayahan untuk mencapai cita-cita dan harapan. Oleh itu wajiblah dipersiapkan (kader-kader Islam) itu dengan persiapan yang luarbiasa, baik persiapan kejiwaan dan maknawi, persiapan 'aqidah dan akhlak, mahupun dalam persiapan fikrah serta harakah untuk memikul peranan yang besar. Harakah harakah yang diajak menghadapi matlamat bersama, dan menghadapi tanggungjawab yang besar dengan meneliti lembah pengalaman-pengalaman lampau dan merancang kaedah-kaedah perjalanan masa kini dan hari depan dengan secepat mungkin, penuh teliti dan penuh keupayaan sepertimana dituntut oleh Islam dalam konferansi dengan jahiliyyah yang amat penipu. Dengan demikian sahaja barulah tercapai pengertian praktikal dan firman Allah s.w.t.



“Persiapkanlah bagi mereka itu kekuatan dan askar berkuda sedaya mungkin yang boleh menggerunkan musuh-musuh Allah dan musuh kamu “.

Allahu Akhbar Walillahil-hamd.